

**KRITERIA PEMILIHAN CALON SEKOLAH
ANUGERAH NILAM PERINGKAT DAERAH PONTIAN**

**KRITERIA PEMILIHAN CALON SEKOLAH
ANUGERAH NILAM DAERAH PONTIAN
TAHUN 2017**

1.0 HAD JUMLAH PENCALONAN

- 1.1 Setiap sekolah boleh mencadangkan maksima dua orang calon untuk dinilai iaitu **satu (1)** bagi kategori **Bahasa Melayu** dan **satu (1)** bagi kategori **Bahasa Inggeris**.

2.0 KAEDAH PENCALONAN

- 2.1 Semua pencalonan hendaklah menggunakan borang seperti di klausa 2.2 yang perlu dimuat turun melalui laman sesawang berikut :

<http://pkgkukup.wordpress.com>

- 2.2 Borang yang perlu dimuat turun ialah :

2.2.1 BTP-PSP-NILAM 01

Borang Pencalonan Pemilihan Tokoh NILAM Negeri

2.2.2 BTP-PSP-NILAM 03

Borang Kebenaran Ibu Bapa / Penjaga Calon Tokoh NILAM Negeri

2.2.3 BTP-PSP-NILAM 04

Folio Calon Tokoh NILAM Negeri

2.2.4 BTP-PSP-NILAM 05

Borang Maklumat Peribadi Pegawai Pengiring Tokoh NILAM Daerah

- 2.3 Semua borang di klausa 2.2 dan salinan MyKid atau MyKad hendaklah dihantar ke PKG Sekolah masing-masing sebelum **16 Januari 2017 (Isnin)**.

3.0 KRITERIA KELAYAKAN CALON

- 3.1 Terbuka kepada murid-murid sekolah di bawah atau bantuan Kementerian Pendidikan Malaysia di daerah Pontian sahaja.
- 3.2 Calon hanya dihadkan kepada **murid Tahun 6** bagi kategori sekolah rendah dan **murid Tingkatan 5** bagi kategori menengah **pada sesi persekolahan tahun 2017**.

**KRITERIA PEMILIHAN CALON SEKOLAH
ANUGERAH NILAM PERINGKAT DAERAH PONTIAN**

- 3.3 Telah mencapai **pengiktirafan dalam Tahap Jauhari**
 - 3.3.1 Jumlah buku yang telah dibaca melebihi
 - 3.3.1.1 Sekolah Rendah - **360** buah naskhah
 - 3.3.1.2 Sekolah Menengah - **288** buah naskhah
 - 3.3.2 Komposisi minima buku yang dibaca oleh calon bagi Sekolah Rendah dalam
 - 3.3.2.1 Bahasa Malaysia - **108** buah naskhah
 - 3.3.2.2 Bahasa Inggeris - **72** buah naskhah
 - 3.3.3 Komposisi minima buku yang dibaca oleh calon bagi Sekolah Menengah dalam
 - 3.3.3.1 Bahasa Malaysia - **86** buah naskhah
 - 3.3.3.2 Bahasa Inggeris - **58** buah naskhah
 - 3.3.4 Membaca buku bukan fiksyen dan buku karya agung oleh penulis terkemuka seperti Othman Puteh, Usman Awang, A. Samad Said dan Shakespeare.
- 3.4 Telah mencapai **pengiktirafan dalam Tahap Rakan Pembaca**
 - 3.4.1 Menyertai berbagai aktiviti galakan membaca
 - 3.4.2 Memperoleh minima 50 markah Rakan Pembaca
 - 3.4.3 Mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan minat membaca yang terserlah
 - 3.4.4 Berkebolehan untuk membimbing dan menarik minat orang lain untuk membaca
- 3.5 **Buku Rekod Bacaan Program NILAM yang asal perlu dibawa pada 7 Februari 2017 untuk dinilai.**
 - 3.5.1 Buku rekod bacaan yang lengkap
 - 3.5.2 Buku rekod bacaan yang telah dilihat dan ditandatangani oleh Guru
 - 3.5.3 Buku rekod bacaan yang telah ditandatangani dan disahkan oleh Pengetua / Guru Besar

**KRITERIA PEMILIHAN CALON SEKOLAH
ANUGERAH NILAM PERINGKAT DAERAH PONTIAN**

3.6 Dokumen sokongan berikut perlu disahkan oleh pihak sekolah dan perlu dihantar pada 7 Februari 2017 untuk dinilai.

3.6.1 Salinan perakuan Pencapaian Program NILAM Tahap Jauhari dan Rakan Pembaca

3.6.2 Salinan keputusan Peperiksaan Akhir Tahun **2016**

3.6.3 Salinan keputusan Peperiksaan Akhir Tahun-tahun sebelumnya (dari tarikh mula bersekolah)

3.6.4 Salinan keputusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) bagi calon sekolah menengah

3.7 Kriteria tambahan berikut perlu disahkan oleh pihak sekolah dan perlu dihantar pada 7 Februari 2017 untuk dinilai

3.7.1 Salinan perakuan atau sijil semua aktiviti galakan membaca yang disertai oleh calon (dari tarikh mula bersekolah)

4.0 PERINGKAT AKHIR

4.1 Calon yang berkelayakan dan memenuhi syarat kelayakan calon akan dipanggil ke peringkat seterusnya.

4.2 Penilaian peringkat saringan akan dilaksanakan di peringkat zon dan akhir akan dilaksanakan di peringkat daerah pada bulan minggu pertama atau kedua bulan Februari 2017.